

41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT YANG KE-13,
PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : SOALAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL

KAWASAN : PAYA BESAR

TARIKH : 13 NOVEMBER 2017

NO. SOALAN : 21

SOALAN

Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan peluang-peluang dan segmen baru yang boleh diterokai oleh industri minyak dan gas tempatan khusus dalam aktiviti hiliran bagi menambah pasaran produk Malaysia sekali gus menjana pendapatan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menjadikan Malaysia sebagai hub minyak dan gas di rantau ini, industri hiliran sektor minyak dan gas memainkan peranan strategik dalam meningkatkan nilai sumber petroleum negara bagi mengubahnya menjadi produk berkualiti tinggi, bernilai tambah untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Melalui inisiatif ETP, kerajaan telah membangunkan Kompleks Petroleum Bersepadu seperti di Kertih, Terengganu; Gebeng, Pahang; Tanjung Bin, Johor dan yang terkini di Pengerang, Johor. Pembangunan projek RAPID di Pengerang, Johor juga bakal mewujudkan peluang pemasaran produk petrokimia serta peluang dari sektor perkhidmatan hiliran seperti penyelenggaraan dan pembaikan fasilitasi, pengangkutan, pembaharuan tangki atau utiliti, jana kuasa serta penyediaan penyelesaian teknikal dan kejuruteraan kepada aktiviti hulu yang akan beroperasi pada hujung tahun 2019.

Pada tahun 2016, MIDA telah meluluskan sebanyak 5 projek berkaitan dengan penyelegaraan dan pembaikan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM156 juta dan mewujudkan 236 peluang pekerjaan. MIDA juga telah mengenalpasti 7 aktiviti dalam bidang perkhidmatan industri hiliran minyak dan gas yang boleh diterokai bagi membantu pertumbuhan Perkhidmatan sokongan industri minyak dan gas khususnya dalam peningkatan kapasiti syarikat perkhidmatan tempatan seperti:

- *remote monitoring;*
- *well services/ well intervention and well stimulation services;*
- *subsea asset integrity & inspection services;*
- *reservoir & petro-physical lab services;*
- *drilling waste management;*

- 43
- *decommissioning of offshore rigs*; dan
 - *turn around maintainance*.

Selain itu industri hiliran minyak dan gas juga berupaya membangunkan dan menambah pasaran produk Malaysia seperti penapisan, perdagangan dan pemasaran minyak mentah dan produk petroleum. Pembukaan stesen-stesen minyak baru yang diusahakan warga tempatan di seluruh negara juga agak memberangsangkan dengan permintaan terhadap bahan bakar meningkat sepanjang tahun.

Disebabkan kemudahan mendapat bekalan mentah dengan mudah, sektor pembuatan yang berasaskan aktiviti hiliran minyak dan gas seperti plastik juga mampu menambah pasaran dan pendapatan negara serta peluang-peluang yang boleh diterokai oleh syarikat tempatan. Sehingga tahun 2016, terdapat lebih 2,800 projek syarikat hiliran minyak dan gas termasuk dari sub-sektor plastik yang diluluskan MIDA beroperasi bagi mengeluarkan pelbagai jenis produk hiliran minyak dan gas seperti butane, aromatic dan sebagainya atau produk sokongan / asas bagi sektor industri lain seperti elektrik dan elektronik, automotif, aeroangkasa, peralatan perubatan, baja pertanian, tekstil dan telekomunikasi.